

02/02/1998

Mahathir, Anwar ke luar negara atasi kemelut

BUKIT MERTAJAM, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan berasingan ke Filipina, Thailand, Jepun dan Taiwan, untuk mencari penyelesaian serantau mengatasi kegawatan ekonomi.

Anwar berkata Malaysia juga sudah menghubungi Hong Kong, China dan Amerika Syarikat untuk memaklumkan langkah tambahan menyeluruh dan berkesan yang diambil untuk memulihkan ekonomi rantau ini.

"Dr Mahathir akan melawat Filipina dan Thailand tidak lama lagi untuk meneruskan strategi penyelesaian bersama ini, manakala saya akan ke Jepun dan membuat lawatan peribadi ke Taiwan untuk maksud yang sama."

"Kita kini dalam perjuangan mencari penyelesaian serantau, iaitu satu langkah serantau, kepada masalah ekonomi yang dihadapi bersama semua negara," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbukanya di Cherok Tok Kun di sini, hari ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir sudah mengadakan perbincangan dengan Presiden Indonesia, Suharto dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Ditanya sama ada lawatannya ke Jepun dan Taiwan membatitkan permintaan bantuan kewangan, Anwar berkata:

"Kita tidak akan memohon pertolongan khusus untuk Malaysia tapi kita kena ada satu pendekatan bersama peringkat rantau."

"Saya akan mengadakan perbincangan rakan sejawatan dari Jepun mengenai pelbagai langkah diambil Malaysia serta fungsi Jepun dalam mewujudkan keyakinan di rantau ini serta menggalakkan pelaburan," katanya.

Anwar berkata, lawatan Dr Mahathir dan beliau adalah bukti kesungguhan dan komitmen Malaysia ke arah mencari penyelesaian serantau khususnya dalam menyelesaikan kegawatan ekonomi.

Menurutnya, sejak kebelakangan ini sudah ada petanda positif yang membanggakan di Thailand, Indonesia dan Korea Selatan berdasarkan langkah fiskal dan kewangan diambil.

"Kita di Malaysia walaupun tidak merujuk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), sudah mengambil semua langkah yang difikirkan perlu dan bersama sebagai satu langkah serantau serta akan terus mengadakan beberapa perubahan dari semasa ke semasa," katanya.

Ditanya sama ada bantuan kewangan yang dijanjikan Malaysia kepada Thailand dan Indonesia iaitu US\$1 bilion (RM4.4 bilion) masing-masing akan diteruskan, beliau berkata Malaysia sudah komited kepada negara berkenaan, di samping melihatnya sebagai soal serantau.

"Rakyat Malaysia perlu faham tanpa pemulihan yang meyakinkan di Thailand dan Indonesia, ia akan dijangkiti oleh Malaysia. Jadi ada kepentingan untuk melihat jiran kita berjaya dan tidak boleh melihat jiran kita berjaya kalau kita tidak ada kesungguhan untuk memberi kerjasama kepada mereka," katanya.

(END)